

# Dr Mahathir dapat jemputan Istana Johor

BH-10/11/2019  
m/s: 2

➔ Pertemuan antara Sultan Ibrahim, PM diadakan secara tertutup

Oleh Ahmad Fairuz Othman  
bhnews@nstp.com.my

✦ Johor Bahru

**P**ertemuan antara Sultan Johor, Sultan Ibrahim Sultan Iskandar dan Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad, dijadualkan berlangsung hari ini atas jemputan dari Istana Johor.

Setiausaha Akhbar Perdana Menteri, Endie Shazlie Akhbar, berkata pertemuan tertutup bersama

Sultan Ibrahim itu ditunda sejak kira-kira dua minggu lalu.

Susulan penundaan itu, katanya, kedua-dua pihak tidak dapat menentukan tarikh mesyuarat sehingga Dr Mahathir memutuskan pertemuan itu diadakan hari ini.

## Pertemuan pertama

Endie berkata, ia adalah pertemuan pertama antara Sultan Ibrahim dan Dr Mahathir selaku Perdana Menteri, selepas pertukaran kerajaan pada Pilihan Raya Umum ke-14, 9 Mei lalu.

"Ia (pertemuan) empat mata antara Sultan Ibrahim dan Dr Mahathir. Tuanku (Sultan Ibrahim) mencadangkan pertemuan diadakan sejak dua minggu lalu.

"Malah, MB Johor (Menteri Besar, Datuk Osman Sapien) juga tidak dijadualkan menyertai pertemuan tertutup itu.

"Bagaimanapun, aspek protokol

ketika lawatan Perdana Menteri akan diuruskan oleh Pejabat MB.

"Jadual lawatan Perdana Menteri di Johor (hari ini) hanya membatikan pertemuan tertutup dengan Sultan," katanya ketika dihubungi oleh *New Straits Times* (NST), semalam.

Endie berkata, tiada jadual rasmi ditetapkan sepanjang sesi pertemuan di Istana Bukit Serene, di sini, yang dijangka bermula jam 3 petang.

## Tiada kaitan pemilihan Agong

Beliau juga menafikan pertemuan itu mempunyai kaitan dengan pemilihan Yang di-Pertuan Agong baharu oleh Majlis Raja-Raja, 24 Januari ini.

"Pertemuan itu sudah dirancang sebelum Sultan Muhammad V meletak jawatan sebagai Yang di-Pertuan Agong (Ahad lalu)," katanya.

Berdasarkan senarai pusingan



Keratan akhbar BH  
Selasa lalu.



Pertemuan itu sudah dirancang sebelum Sultan Muhammad V meletak jawatan sebagai Yang di-Pertuan Agong (Ahad lalu)"

**Endie Shazlie Akhbar,**  
Setiausaha Akhbar  
Perdana Menteri

sembilan paling kanan dalam Majlis Pemilihan Yang di-Pertuan Agong, Sultan Pahang, Sultan Ahmad Shah adalah yang seterusnya layak ditawarkan jawatan itu, diikuti Sultan Ibrahim.

Ketika ini, kerusi Yang di-Pertuan Agong baharu tertumpu kepada Sultan Pahang dan Sultan Johor.

Bagaimanapun, Sultan Ahmad Shah, 88, mengalami masalah kesihatan dan putera baginda, Tengku Abdullah, menjadi pemangku Sultan sejak Januari 2017.

Difahamkan, Tengku Abdullah kembali ke tanah air dari luar negara, semalam.